

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PELUKIS PELAN
2024
SENIBINA**

KOD : PPS011

**SUBJEK : KEFAHAMAN LUKISAN SENIBINA
DAN SPESIFIKASI**

TARIKH : 12 OGOS 2024

MASA : 9.00 PAGI – 12.00 TGH

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PPS011 – KEFAHAMAN LUKISAN SENIBINA DAN SPESIFIKASI

ARAHAN KEPADA CALON


Kertas ini mengandungi dua (2) bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
Jawab tiga (3) soalan di bahagian A dan dua (2) soalan di Bahagian B.

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi lima (5) soalan. Jawab mana-mana **tiga (3)** soalan sahaja.

SOALAN 1



Gambar rajah 1

SOALAN 1 (sambungan)

Berdasarkan **gambar rajah 1**, jawab menggunakan **Lampiran A1** sebagai kertas jawapan bagi soalan-soalan berikut:

- a) Lakarkan garisan grid bagi lukisan pelan lantai di **lampiran A1**.
(10 markah)
- b) Masukkan perabot siap bina (*built-in furniture*) bagi lukisan pelan lantai di **lampiran A1**.
(5 markah)
- c) Masukkan alat kelengkapan kebersihan (*sanitary fitting*) bagi lukisan pelan lantai di **lampiran A1**.
(5 markah)

SOALAN 2

- a) Senaraikan **lima (5)** langkah pelaksanaan kerja ukur bagi penyediaan lukisan terukur.
(10 markah)
- b) Berikan **sepuluh (10)** peralatan bagi melaksanakan kerja-kerja mengukur bangunan/permis.
(10 markah)

SOALAN 3

- a) Berikan definisi lukisan-lukisan berikut:
- i) Lukisan Kerja Pembinaan (*Construction / Shop / Working Drawing*)
 - ii) Lukisan Siap Bina (*As-Built Drawing*)
- (10 markah)

SOALAN 3 (sambungan)

- b) Huraikan secara ringkas maksud Aset Bangunan.

(2 markah)

- c) Senaraikan **empat (4)** lukisan siap bina yang perlu disediakan oleh kontraktor.

(8 markah)

SOALAN 4

- a) Senaraikan **lima (5)** Agensi Teknikal yang terlibat dalam pengemukaan lukisan kebenaran merancang/pelan bangunan.

(5 markah)

- b) Bagi mendapatkan kelulusan kebenaran merancang, lukisan pelan tapak harus diwarnakan mengikut kod warna yang telah ditetapkan oleh agensi teknikal untuk tujuan pengemukaan lukisan (*submission*). Berikan kod warna bagi perkara-perkara berikut:

- i) Bangunan baru/binaan baru/garisan sempadan
- ii) Jalan tar
- iii) Rumput/kawasan landskap
- iv) Bangunan/dinding/binaan yang perlu diroboh
- v) Jalan dengan kemas paver


(5 markah)

- c) Berikan **sepuluh (10)** peralatan pencegahan kebakaran berserta simbol yang sering terdapat di dalam bangunan.

(10 markah)

SOALAN 5

- a) **Gambar rajah 5** adalah lukisan persembahan bagi cadangan pembinaan pejabat tiga tingkat yang telah diluluskan oleh pihak pelanggan. Senaraikan **sepuluh (10)** lukisan kerja skala 100 yang perlu disediakan untuk tujuan tender.



Gambar rajah 5

(10 markah)

- b) Lakarkan mana-mana **sepuluh (10)** simbol asas berikut (gunakan **Lampiran A5** sebagai kertas jawapan):
- i) Pintu Satu Daun
 - ii) Pintu Dua Daun
 - iii) Tangga
 - iv) Tingkap
 - v) Mangkuk Tandas Duduk
 - vi) Sinki
 - vii) Dimensi Melintang
 - viii) Dimensi Menegak
 - ix) Dimensi Jejari (Radius)
 - x) Dimensi Sendeng
 - xi) Dimensi Bulatan
 - xii) Dimensi Sudut

(10 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi lima (5) soalan. Jawab mana-mana **dua (2)** soalan sahaja.

SOALAN 1

- a) Senaraikan **sepuluh (10)** jenis kayu yang lazim digunakan dalam industri pembinaan.


(10 markah)

- b) Berikan **lima (5)** kegunaan kayu di dalam kerja-kerja pembinaan sesebuah projek.

(10 markah)

SOALAN 2

- a) Berikan spesifikasi lengkap yang bertanda **1 hingga 4** bagi keratan bumbung rata di **gambar rajah 2** (gunakan **Lampiran B2** sebagai kertas jawapan).



Gambar rajah 2

(8 markah)

SOALAN 2 (sambungan)

- b) Berikan **dua (2)** jenis kemasan penebat haba.

(4 markah)


- c) Berikan **empat (4)** jenis kaca yang sering digunakan pada tingkap, perabot dan bumbung.

(8 markah)

SOALAN 3

Tangga adalah binaan yang penting dalam sesebuah pembinaan bangunan. Tangga merupakan penghubung laluan naik turun di antara satu tingkat dengan tingkat yang lain.

- a) Lengkapkan spesifikasi anak tangga konkrit yang bertanda **1 hingga 6** bagi keratan tangga di **gambar rajah 3** (gunakan **Lampiran B3** sebagai kertas jawapan).



Gambar rajah 3

(12 markah)

SOALAN 3 (sambungan)

- b) Berikan **empat (4)** jenis pembinaan tangga.


(4 markah)

- c) Apakah ketinggian maksimum anak tangga dan kelebaran minimum jejaknya mengikut yang telah termaktub di dalam Undang – undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (*UBBL*).

(4 markah)

SOALAN 4

- a) Lengkapkan lukisan keratan di **gambar rajah 4** yang bertanda **(i) hingga (iv)** dengan memasukkan spesifikasi kerja konkrit yang betul.



Gambar rajah 4

(12 markah)


SOALAN 4 (sambungan)

- b) Berikan **empat (4)** jenis dinding yang sering digunakan di dalam sesebuah projek.

(8 markah)

SOALAN 5

- a) Sila masukkan pilihan **i hingga x** pada spesifikasi yang betul pada lukisan butiran tiang bendera di **gambar rajah 5** (gunakan **Lampiran B5** sebagai kertas jawapan).



Gambar rajah 5

(20 markah)


Lampiran A1

Bahagian A – Soalan 1. Sila jawab di helaian ini.

Angka Giliran :

No. Kad Pengenalan :

Pusat Peperiksaan :



Bahagian A - Soalan 5 (b). Sila jawab di helaian ini.

Angka Giliran :

No. Kad Pengenalan :

Pusat Peperiksaan :

Bil	Perkara	Simbol
1	Pintu Satu Daun	
2	Pintu Dua Daun	
3	Tangga	
4	Tingkap	
5	Mangkuk Tandas Duduk	
6	Sinki	
7	Dimensi Melintang	
8	Dimensi Menegak	

Bahagian A - Soalan 5 (b) (sambungan)


9	Dimensi Jejari (Radius)	
10	Dimensi Sendeng	
11	Dimensi Bulatan	
12	Dimensi sudut	

Bahagian B – Soalan 2 (a). Sila jawab di helaian ini.

Angka Giliran :

No. Kad Pengenalan :

Pusat Peperiksaan :




Bahagian B – Soalan 3 (a). Sila jawab di helaian ini.

Angka Giliran :

No. Kad Pengenalan :

Pusat Peperiksaan :



BUTIRAN TANGGA KONKRIT

Bahagian B – Soalan 5 (a). Sila jawab di helaian ini.

Angka Giliran :

No. Kad Pengenalan :

Pusat Peperiksaan :

